

Pembelajaran Nilai Melalui Lagu Kanak-kanak

Mohamed Sha'ban Mohd Rapiai

mohamed_shaban_mohd_rapiai@moe.edu.sg

Najiyah Mohamed Said

najiyah_mohamed_said@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Greenwood

Abstrak

Dewasa ini, kian ramai murid Darjah 1 yang tidak mengenali sastera Melayu. Antara punca masalah ialah kurang pendedahan kepada bahan-bahan yang berkaitan dengan sastera Melayu dan tiada pengajaran yang berstruktur dalam kelas. Perkara ini menimbulkan keprihatinan dalam kalangan para guru kerana sastera Melayu berkait rapat dengan pembelajaran nilai-nilai murni. Oleh itu, pembelajaran nilai-nilai murni melalui lagu kanak-kanak telah dipilih sebagai wadah yang terbaik bagi menyemai minat murid dalam sastera Melayu. Kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan lagu kanak-kanak dalam penyemaian minat murid dalam sastera Melayu dan pembelajaran nilai. Seramai 28 orang murid Darjah 1 terlibat dalam kajian yang dijalankan. Murid dibahagikan kepada satu kumpulan eksperimental dan satu lagi kumpulan terkawal. Pengkaji telah menggunakan rubrik penilaian dan lembaran kerja yang direka khas untuk mengukur minat dan tahap pemahaman murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran sastera melalui lagu kanak-kanak menunjukkan kesan yang amat ketara pada minat dan pemahaman murid.

Kata Kunci: penyemaian minat, rubrik penilaian, nilai, pengajaran berstruktur



PENGENALAN

Kerelevanan sastera Melayu dalam pengajaran Bahasa Melayu memang tidak dapat dipertikaikan. Namun, perubahan masa, pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Melayu telah menyebabkan kian ramai murid Darjah 1 yang tidak mengenali sastera Melayu. Mereka kurang didedahkan kepada bahan-bahan yang berkaitan dengan sastera Melayu oleh ibu bapa mereka. Selain itu, tiada pengajaran sastera Melayu yang berstruktur dalam kelas. Keadaan ini menimbulkan keprihatinan dalam kalangan para guru kerana sastera Melayu berkait rapat dengan pembelajaran nilai yang turut menyumbang ke arah pembentukan akhlak yang mulia.

Bagi menangani masalah ini, satu usaha intervensi telah dijalankan. Lagu kanak-kanak telah dipilih dalam usaha intervensi itu. Genre puisi Melayu tradisional berbentuk nyanyian telah dipilih kerana sesuai dengan tahap pemahaman dan keupayaan murid Darjah 1.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. mengkaji keberkesanan lagu kanak-kanak menyemai minat murid-murid Darjah 1 dalam Sastera Melayu; dan
2. meneliti keberkesanan lagu kanak-kanak dalam memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid.

PERNYATAAN MASALAH

Sebelum usaha intervensi dijalankan, pengajaran sastera Melayu tidak dijalankan secara eksplisit dan berstruktur untuk murid Darjah 1. Ini bermakna murid kurang pendedahan terhadap sastera Melayu dalam kelas. Bukan itu sahaja, perubahan masa dan pemikiran masyarakat turut menyebabkan kebanyakan murid tidak didedahkan kepada bahan-bahan yang berkaitan dengan sastera Melayu. Hal-hal yang sedemikian mengakibatkan minat dan pengetahuan murid tentang sastera Melayu semakin lama semakin terhakis.



Para guru bersetuju bahawa satu cara untuk memperkenalkan dan menyuntik minat murid Darjah 1 terhadap sastera Melayu menerusi nyanyian. Ternyata, kanak-kanak dan nyanyian memang tidak boleh dipisahkan. Oleh itu, lagu kanak-kanak yang merupakan satu genre puisi Melayu tradisional dalam bentuk nyanyian, telah dikenal pasti sebagai satu genre yang sesuai bagi peringkat Darjah 1. Murid-murid didapati bukan sahaja dapat berseronok bahkan mampu menyerap banyak nilai murni yang tersemat dalam lagu-lagu tersebut.

Lazimnya, murid Darjah 1 hanya menyanyikan lagu-lagu yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu. Walaupun lagu-lagu itu menyampaikan mesej yang baik, lagu-lagu tersebut bukanlah berbentuk puisi Melayu tradisional. Oleh itu, para guru membuat keputusan untuk menyemai minat murid Darjah 1 terhadap sastera Melayu dan memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka menerusi lagu kanak-kanak.

KAJIAN LEPAS

Nijhar (1984) menyatakan bahawa kesusasteraan kanak-kanak mencakupi segala jenis penulisan kreatif dan imaginatif yang bertujuan khusus untuk bacaan, hiburan dan bacaan kanak-kanak.

Misran Rokimin (2001) pula berpendapat bahawa sastera kanak-kanak merupakan sebuah ejen pembangunan yang menjurus kepada pembangunan diri seseorang manusia dari segi emosi, pemikiran dan kecekapan berbahasa.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Chew, Mahzan, Zahari dan Loh dari Fakulti Pendidikan dan Teh dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Malaya telah mendapati bahawa kanak-kanak perlu didedahkan kepada bahan-bahan sastera yang bermutu agar dapat membentuk keperibadian kanak-kanak yang mulia dan bermoral.

Mereka turut menambah bahawa ibu bapa dan guru-guru perlu memainkan peranan dalam mendedahkan kanak-kanak kepada bahan-bahan sastera dari awal lagi demi melahirkan masyarakat yang berkeperibadian tinggi dan berbudi pekerti.



KAEDAH KAJIAN

Guru telah memilih enam buah lagu kanak-kanak untuk didedahkan dan diajarkan kepada murid. Lagu-lagu tersebut dipilih kerana mengandungi mesej-mesej positif dan nilai-nilai murni. Lagu-lagu tersebut juga mengandungi irama dan lirik yang sesuai untuk murid Darjah 1.

Sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, murid diminta untuk mengisi borang soal selidik. Berdasarkan maklumat yang dikumpul, guru meraih informasi mengenai tahap pendedahan dan minat murid terhadap lagu kanak-kanak.

Selepas enam minggu, kesemua enam buah lagu kanak-kanak diajarkan dan didedahkan kepada murid. Kemudian, murid diminta untuk mengisi borang soal selidik yang sama bagi membantu guru untuk mendapatkan data tentang tahap pendedahan dan minat murid terhadap lagu kanak-kanak. Setelah itu, guru membuat perbandingan data kajian yang diperoleh sebelum dan selepas murid didedahkan kepada lagu kanak-kanak.

Guru kemudian membuat analisis mengenai data yang telah diperoleh untuk menentukan sama ada sesi intervensi yang dijalankan telah berjaya meningkatkan minat murid terhadap lagu kanak-kanak. Pemahaman murid tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam lagu-lagu tersebut juga diteliti.

Subjek Kajian

Seramai 28 orang murid Darjah 1 dari kelas yang sama telah dipilih khas sebagai subjek kajian. Pemilihan tersebut dilakukan agar memudahkan setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Jika subjek kajian itu dipilih daripada pelbagai kelas Bahasa Melayu, kelancaran pelajaran akan terjejas kerana subjek kajian itu perlu bergerak dari satu ke kelas yang lain untuk dikumpulkan dan ini akan menyebabkan pembaziran masa. Faktor-faktor keselesaan dan kekariban juga merupakan antara faktor yang dipertimbangkan sebelum keputusan dibuat untuk memilih murid-murid dalam sebuah kelas yang sama sebagai subjek kajian. Subjek kajian ini mesti berada dalam ruang lingkup yang selesa bersama murid yang dikenali agar tumpuan mereka semasa pengajaran dan pembelajaran tidak akan terjejas.



Instrumen Kajian

1. Borang Soal Selidik Prapengajaran

Sebelum sesi-sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, subjek kajian telah mengisi borang soal selidik agar guru dapat meninjau tahap pendedahan dan minat murid terhadap lagu kanak-kanak.

2. Borang Soal Selidik Pascapengajaran

Pada akhir semua sesi pengajaran dan pembelajaran, subjek kajian perlu mengisi borang soal selidik yang sama. Ini dilakukan agar data tentang tahap pendedahan dan minat mereka terhadap lagu kanak-kanak akan dapat dikumpulkan.

Menerusi penganalisan data yang telah terkumpul, guru meninjau sama ada sesi-sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan dapat meningkatkan tahap pendedahan dan minat subjek kajian terhadap lagu kanak-kanak.

Prosedur Kajian

Kajian ini berjalan selama 6 minggu pada penggal tiga. Subjek kajian melalui 6 sesi intervensi yang dijalankan oleh guru Bahasa Melayu kumpulan itu. Setiap sesi mengambil masa 3 waktu atau 1 jam dan 30 minit. Semasa setiap sesi intervensi, subjek kajian didedahkan kepada sebuah lagu kanak-kanak secara eksplisit. Hal ini dilakukan untuk memastikan bahawa subjek kajian mendapat pendedahan yang mencukupi atau lebih dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru menggunakan teknik pembelajaran koperatif, main peran dan bercerita semasa sesi intervensi. Selain itu, guru juga memastikan bahawa sesi intervensi itu merangkumi tiga gaya pembelajaran – visual, audio dan kinestetik. Tujuan guru berbuat demikian agar subjek kajian mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dapat meraih manfaat daripada pengajaran yang dilaksanakan.



Sepanjang sesi intervensi, guru menayangkan setiap klip video lagu terlebih dahulu. Kemudian, guru dan subjek kajian menyanyikan lagu sambil menggayakan watak dalam lagu beberapa kali dengan berpandukan klip video lagu yang dipaparkan.

Selepas menyaksikan tayangan video dan menyanyi, guru berbincang dengan subjek kajian tentang nilai-nilai murni yang terkandung dalam lagu kanak-kanak tersebut. Subjek kajian menyelesaikan lembaran aktiviti untuk mengukuhkan lagi pemahaman mereka tentang mesej-mesej yang terkandung dalam setiap lagu kanak-kanak yang dipelajari.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Skala Likert telah digunakan dalam soal selidik yang telah dijalankan. Skala ini amat sesuai digunakan untuk mengukur respons murid. Berikut merupakan carta dapatan borang soal selidik yang telah dijalankan sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran lagu tradisional kanak-kanak dijalankan. Sila rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Dapatan Soal Selidik Prapengajaran

No	Item	☺☺☺☺	☺☺	☺	Purata
1	Saya pernah mendengar lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	0	24	4	1.86
2	Saya boleh menyanyi lagu kanak-kanak.	4	5	19	1.46
3	Saya suka menyanyikan lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	2	14	12	1.64
4	Saya boleh menyanyikan lagu kanak-kanak dengan bersemangat.	1	7	20	1.32
5	Saya faham tentang nilai-nilai yang ada dalam lagu kanak-kanak.	1	2	25	1.14
6	Saya suka lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	7	13	8	1.96

Nota	
☺☺☺☺	Sangat setuju
☺☺	Setuju
☺	Tidak setuju



Berikut ialah Jadual 2 yang menunjukkan tentang data-data yang terkumpul melalui borang soal selidik yang telah diisi oleh subjek kajian selepas sesi pengajaran dan pembelajaran lagu tradisional kanak-kanak dijalankan. Sila rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Dapatan Soal Selidik Pascapengajaran

No	Perkara	😊😊😊	😊😊	😊	Purata
1	Saya pernah mendengar lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	25	3	0	2.89
2	Saya boleh menyanyi lagu kanak-kanak.	22	3	3	2.68
3	Saya suka menyanyikan lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	19	9	0	2.68
4	Saya boleh menyanyikan lagu kanak-kanak dengan bersemangat.	21	5	2	2.68
5	Saya faham tentang nilai-nilai yang ada dalam lagu kanak-kanak.	28	0	0	3
6	Saya suka lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	27	1	0	2.96

Nota	
😊😊😊	Sangat setuju
😊😊	Setuju
😊	Tidak setuju

Jadual 3 memaparkan peratusan peningkatan bagi setiap item soal selidik prapengajaran dan pascapengajaran. Kesemua item dalam soal selidik telah menunjukkan peningkatan daripada segi peratusan. Sila rujuk Jadual 3.



Jadual 3: Perbandingan antara Dapatan Soal Selidik Prapengajaran dengan Pascapengajaran

No	Perihal	Purata Prapengajaran	Purata Pascapengajaran	Peningkatan (%)
1	Saya pernah mendengar lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	1.86	2.89	55.3
2	Saya boleh menyanyi lagu kanak-kanak.	1.46	2.68	83.5
3	Saya suka menyanyikan lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	1.64	2.68	63.4
4	Saya boleh menyanyikan lagu kanak-kanak dengan bersemangat.	1.32	2.68	103.3
5	Saya faham tentang nilai-nilai yang ada dalam lagu kanak-kanak.	1.14	3	163.1
6	Saya suka lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu.	1.96	2.96	51

Nota	
☺☺☺	Sangat setuju
☺☺	Setuju
☺	Tidak setuju



KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa sesi pengajaran lagu kanak-kanak berjaya melakukan tiga perkara. Pertama, sesi tersebut berjaya menarik minat subjek kajian untuk menyanyikan lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu. Kedua, sesi pengajaran yang dilakukan secara eksplisit dan berstruktur itu telah mendedahkan subjek kajian kepada satu genre sastera Melayu. Ketiga, sesi pengajaran yang memberi pendedahan kepada nilai-nilai murni boleh membentuk akhlak murid.

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran sastera Melayu melalui lagu kanak-kanak telah memberi kesan yang positif terhadap subjek kajian. Nilai-nilai murni yang dipelajari memang sejajar dengan nilai-nilai teras yang terkandung dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan. Oleh itu, lain-lain genre sastera Melayu yang sesuai bagi peringkat sekolah rendah harus diperkenalkan kepada murid-murid. Pendekatan pengajaran yang menggunakan sastera Melayu yang sesuai boleh digunakan sebagai bahan pengajaran penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat-peringkat yang lain. Dengan cara sebegini, warisan bangsa Melayu yang banyak terdapat dalam sastera Melayu dapat terus dikekalkan.

Nota:

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan:

1. Fauziah Osman
2. Junainah Mohamed Yusoff
3. Matufa Latiff
4. Nurhidayah Ashari
5. Siti Fadiyah Ramdan



RUJUKAN

Abdul Kadir, Wan (2003). *Pengkaedahan penyelidikan pengajian Melayu Akademi Pengajian Melayu*, Universiti Malaya

Best, John and Kahn, James, (2006). *Research In Education*, Pearson Education

Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak, Loh Sau Cheong, Teh Ying Wah, (2008). *Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah*, Universiti Malaya

Misran Rokimin (2001). *Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan*, Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja, 26-27 April, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nijhar (1984). Apakah sastera kanak-kanak-khasnya buku bergambar? Dalam Othman Puteh & Abdul Ahmad (pngr.), *Sekitar sastera kanak kanak dan remaja*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Yahya, (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*, Pahang, PTS Professional Publishing

